

427 penggananas komunis ditumpaskan di Semenanjung

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin.

ANGGOTA-anggota polis diangkatkan supaya melpatgandakan usaha dan keyakinan mereka untuk menghapuskan saki baki penggananas komunis walaupun keadaan keselamatan negara adalah lebih baik kini dibanding dengan beberapa tahun lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Haji Mohamad Haniff Omar berkata keadaan yang baik itu wujud kerana pasukan keselamatan telah berjaya menghalang Parti Komunis Malaya (PKM) di Selatan Thai untuk memberi bantuan kepada gerombolan-gerombolan

penggananas di Semenanjung.

Katanya, dengan kejayaan itu, jumlah anggota penggananas komunis telah dapat dikurangkan di Semenanjung dari lebih 700 kepada 273 orang.

Tetapi, katanya ada tanda-tanda menunjukkan kemungkinan adanya dua gerombolan penggananas komunis telah berjaya menembusi pertahanan sempadan negara ini.

Tan Sri Haji Haniff menambah bahawa kegiatan pasukan keselamatan memburu mereka secara berterusan menyebabkan mereka

sentiasa dalam keadaan bergerak dan mempertahankan diri sahaja.

"Komunis di Sarawak juga menghadapi masalah yang sama. Mereka pula sentiasa diburu oleh pasukan keselamatan dan langsung tidak mendapat sokongan dari orang ramai.

Gagal

"Usaha mereka melancarkan kempen-kempen subversif menerusi cara 'united front' menemui jalan buntu kerana mereka turut tidak menerima sokongan dari orang ramai," ujarnya.

Ketika berucap di upacara penyerahan bungkusan-bungkusan kuih muih Hari Raya di Pengkalan Briged Tengah Pasukan Polis Hutan di Km 11, Jalan Ceras-Kajang di sini pagi tadi, beliau berkata, dalam tugas menjaga keselamatan negara ramal dari kalangan pasukan polis yang terpaksa berjauhan dari anak isteri, kaum keluarga, saudara mara dan sahabat handal.

"Pada Hari Raya ini ada antara mereka yang akan memikul senjata mengharungi hutan belantara, mengharungi lautan luas dan juga terlibat dalam operasi-operasi tertentu semata-mata untuk menyelamatkan negara dari gangguan dan ancaman musuh.

"Dan seperti tahun-tahun yang lalu kita menghulurkan bungkusan kuih muih kepada rakan sejawat kita yang terpaksa berjauhan di Hari Raya nanti.

"Sebuah kotak kecil yang berisi kuih muih barangkali hanya satu pemberian yang kecil, tetapi pada hakikatnya ia membawa erti yang amat besar kerana ia adalah satu simbol ingatan yang ikhlas, simpati dan penghargaan terhadap perkhidmatan anggota-anggota tersebut yang dianggap besar dan mulia," tambah Tan Sri Haji Haniff.

Pada tahun ini sejumlah 4,500 bungkusan kuih akan diedarkan kepada para anggota pasukan Polis Hutan, Marin dan Cawangan Khas yang terlibat dalam operasi-operasi.

Di samping itu, 200 kotak lagi diterima dari Keretapi Tanah Melayu. Tan Sri Haji Haniff selanjutnya mengucapkan terima kasih kepada pihak KTM dan ahli-ahli dan anggota Perkep (Persatuan Keluarga Polis) dan pasukan-pasukan yang terlibat kerana menyelenggarakan kuih muih ini secara sukarela.

Isteri beliau, Puan Sri Hamidah telah menyampaikan bungkusan kuih muih itu kepada Komander-Komander Briged.

Mereka ialah: Penolong Pesuruhjaya Kanan, Abdul Aziz Hassan (Briged Utara), Penolong Pesuruhjaya Kanan, Anthony Petrus (Briged Tengah), Penolong Pesuruhjaya Kanan (Briged Tenggara), Amran Ibrahim, wakil Briged Sarawak, Penguasa Yusof Harun, wakil Pesuruhjaya Polis Sabah, Penguasa Sairi Osman, Pegawai Merlin Pasukan, Penolong Pesuruhjaya, Mohamad Ali Mohamad dan Timbalan Pengarah Cawangan Khas, Encik Ding Hong Kee.



● Puan Sri Hamidah menyampaikan bungkusan kuih-muih kepada Pegawai Marin Penolong Pesuruhjaya Mohamad Ali Mohamad. — Gambar Berita Harian.